

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERATURAN-PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT YANG MENGAWAL  
MENGENAI DENGAN LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN DALAM NEGERI

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang mengawal mengenai dengan Latihan Dalam Perkhidmatan dalam negeri adalah seperti berikut:

1.1 Peraturan-peraturan dan syarat-syarat Latihan Dalam Perkhidmatan dalam negeri ini, adalah dipecahkan kepada dua bahagian yang salah satunya boleh dipertimbangkan untuk diberikan kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi membolehkan mereka menjalani kursus-kursus tertentu di-Institusi-Institusi di Negara Brunei Darussalam:-

(i) Cuti Belajar Dalam Negeri (Study Leave);

(ii) Cuti Tidak Bergaji Dalam Negeri.

1.2 Pegawai-pegawai Kerajaan yang menjalani kursus-kursus mengikut skim-skim yang tersebut di atas adalah tertakluk kepada Perintah-Perintah Am (General Orders) dan Peraturan-Peraturan Kerajaan 1961 yang ada pada masa ini dan lain-lain Peraturan Kerajaan yang berjalan kuatkuasanya dari semasa ke semasa.

2. SKIM CUTI BELAJAR DALAM NEGERI (STUDY LEAVE)

2.1 Skim Cuti Belajar Dalam Negeri ini, akan dihulurkan kepada pegawai-pegawai Kerajaan untuk membolehkan mereka mengikuti kursus tertentu di Institusi-Institusi di Negara Brunei Darussalam dengan syarat:

(a) jika kursus itu disahkan ada kaitannya secara langsung dengan tugas-tugas jawatannya dan berdasarkan kepada keperluan Jabatannya;

(b) jika syarat-syarat lantikannya menghendakinya mengikuti sesuatu kursus yang tertentu;



- (c) tawaran skim Cuti Belajar Dalam Negeri ini adalah khusus bagi pegawai-pegawai yang di dalam perjawatan tetap dan ini tidaklah memerlukan seorang pegawai itu terlebih dahulu ditetapkan di dalam jawatannya;
- (d) segala permohonan skim Cuti Belajar Dalam Negeri hendaklah dihadapkan melalui Ketua Jabatan masing-masing siapa dimestikan untuk mengemukakan laporan sulit serta tiga salinan borang-borang Latihan Dalam Perkhidmatan kepada Pengarah Perjawatan.

2.2 Dengan tidak menghiraukan syarat-syarat di atas, mana-mana pegawai yang di dalam jawatan tetap atau secara sebulan ke sebulan akan juga dipertimbangkan untuk mengikuti apa jua kursus yang dikehendaki oleh Kerajaan secara skim Cuti Belajar Dalam Negeri (Study Leave).

2.3 Kemudahan-Kemudahan mengikuti kursus secara Cuti Belajar Dalam Negeri.

(A) Gaji

Pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat dan dipersetujui mengikuti kursus di Institusi di Negara Brunei Darussalam secara Cuti Belajar Dalam Negeri akan menerima gaji penuh semasa menjalani kursus tersebut dan perkhidmatan pegawai-pegawai yang berkenaan akan dikira berjalan seperti biasa.

(B) Elaun Sara Hidup

Elaun sara hidup tidak akan diberi kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang mengikuti kursus di Institusi-Institusi Brunei Darussalam secara Cuti Belajar Dalam Negeri.

(C) Elaun Perjalanan

- (i) Elaun perjalanan sebanyak \$58.00 sebulan akan dibayar kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang mengikuti kursus di Institusi-Institusi Brunei Darussalam secara Cuti Belajar Dalam Negeri dengan syarat dia tidak mendapat kemudahan tempat tinggal di Institusi dan dia tinggal sejauh tiga batu atau lebih dari Institusi yang berkenaan.

- (ii) Seseorang pegawai Kerajaan yang sedang mengikuti kursus secara Cuti Belajar Dalam Negeri tidak berhak menuntut segala elaun perjalanan/kenderaan yang lain menurut Surat-Surat Keliling Pejabat Setiausaha Kerajaan Bil. 37/1980 dan Bil. 38/1980, selain dari Peraturan (C) (i) di atas.

(D) Kediaman

- (i) Selagi kemudahan kediaman (asrama Institusi) boleh menampung para mahasiswa yang terdiri dari pegawai-pegawai Kerajaan, maka mereka akan diberikan tawaran untuk tinggal di dalam asrama tersebut menurut keutamaan yang telah ditentukan.
- (ii) Suami atau isteri dan anak-anak pegawai-pegawai Kerajaan tidak akan di benarkan tinggal di asrama institusi.
- (iii) Bagi pegawai Kerajaan yang berkeluarga yang pada kebiasaannya menduduki rumah Kerajaan, boleh diteruskan mendiami rumah berkenaan dengan syarat dia sendiri membayar kadar yang telah ditentukan walaupun ianya dibenarkan tinggal di asrama institusi.

(E) Perbelanjaan Akademik

- (i) Kerajaan akan membayar elaun buku rujukan mengikut kadar-kadar di bawah ini:
  - (a) bagi kursus yang bukan Ijazah, setengah daripada bayaran yang dihulurkan kepada 'A' level/TEC Diploma atau kursus yang setaraf sebagaimana dalam syarat dermasiswa Kerajaan seperti dalam Surat Keliling Jabatan Pelajaran Bil. 5/1984. Kadar yang diikuti ialah bayaran bagi di Malaysia dan Singapura;

(b) bagi kursus bertaraf Ijazah, setengah daripada bayaran yang dihulurkan kepada Ijazah Pertama atau kursus yang setaraf sebagaimana dalam syarat dermasiswa Kerajaan seperti dalam Surat Keliling Jabatan Pelajaran Bil. 5/1984. Kadar yang diikuti ialah bayaran bagi di Malaysia dan Singapura;

(c) bayaran dalam kadar yang dinyatakan dalam perkara 2.3 (E) (i) (a) dan (b) ini, akan berterusan pada masa-masa yang akan datang mengikut perubahan yang akan dilakukan dari semasa kesemasa oleh Kerajaan. Bayaran hanya akan dibuat terhadap tuntutan yang disertai dengan resit-resit asal (original).

(ii) Apa juga Projek, Dissertation atau Thesis yang diarahkan oleh pihak Institusi-Institusi untuk dibuat, elaun akan diberikan kepada setiap mahasiswa yang terdiri dari kalangan pegawai-pegawai Kerajaan sebagaimana dalam syarat dermasiswa Kerajaan seperti dalam Surat Keliling Jabatan Pelajaran Bil. 5/1984. Kadar yang diikuti ialah bayaran bagi di Malaysia dan Singapura.

**(F) Lawatan Penyelidikan (Field Trip) Di Luar Negeri**

Setiap Mahasiswa yang terdiri dari pegawai-pegawai Kerajaan jika dikehendaki oleh pihak Institusi-Institusi untuk membuat sebarang pengkajian atau sebarang penyelidikan di luar negeri, segala perbelanjaan akan ditanggung oleh pihak Institusi-Institusi yang berkenaan.

**(G) Elaun Tambahan**

Setiap Mahasiswa yang terdiri dari pegawai-pegawai Kerajaan yang memerlukan bantuan bolehlah diberikan elaun kacamata sebagaimana dalam syarat dermasiswa Kerajaan seperti dalam Surat Keliling Jabatan Pelajaran Bil. 5/1984. Kadar yang diikuti ialah bayaran bagi di Malaysia dan Singapura.

(H) Gaun Akademik

Tidak ada bayaran bagi sebarang jenis pakaian. Walau bagaimanapun Kerajaan melalui Institusi akan menyediakan Gaun Akademik untuk dipinjamkan hanya kepada mahasiswa-mahasiswa pada masa-masa mereka memerlukannya.

2.4 LAIN-LAIN KEMUDAHAN

- (i) Bagi mahasiswa yang terdiri dari pegawai-pegawai Kerajaan, oleh kerana perkhidmatan pegawai-pegawai berkenaan adalah berterusan, hak-hak kewangan yang berikut di bawah ini, adalah dikekalkan:
  - (a) elaun Pelajaran (bagi anak-anak mereka);
  - (b) pinjaman wang untuk pembangunan rumah;
  - (c) pinjaman wang untuk membeli kereta, motor sangkut dan seumpamanya.
- (ii) Semua cuti-cuti berelaun (seperti cuti tempatan, cuti tahunan dan seumpamanya) tidak akan diberi kepada mahasiswa yang terdiri dari pegawai-pegawai Kerajaan bagi tempoh selama ia menjalani kursus.

2.5 HAK CUTI

- (i) Pegawai-pegawai Kerajaan yang dibenarkan berkursus secara Cuti Belajar Dalam Negeri, di Institusi-Institusi Negara Brunei Darussalam, tidak mempunyai hak cuti biasa (hak cuti semasa bekerja) dalam tempoh berkursus dan tidak akan dapat menuntut hak cuti itu selepas mereka menamatkan kursus.
- (ii) Segala cuti pegawai-pegawai Kerajaan yang dibenarkan berkursus secara Cuti Belajar Dalam Negeri, adalah tertakluk sepenuhnya kepada jadual percutian di Institusi-Institusi yang berkenaan.
- (iii) Hak cuti bersalin adalah dikekalkan.
- (iv) Cuti menunaikan fardu haji adalah tertakluk kepada budi bicara pihak Institusi dan kebenaran dari Pengarah Perjawatan.

### 3. SKIM PERKHIDMATAN CUTI TIDAK BERGAJI DALAM NEGERI

3.1 Skim Cuti Tidak Bergaji Dalam Negeri ini, akan dihulurkan kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang berminat untuk melanjutkan pelajaran mereka bagi seterusnya menambah kelayakan akademik mereka di Institusi-Institusi di Negara Brunei Darussalam menurut syarat-syarat berikut:

- (a) Keistimewaan serupa ini akan dihulurkan bukanlah berpandukan kepada kehendak Ketua Jabatan malahan adalah berdasarkan atas permohonan pegawai yang berminat untuk mendapatkan dermasiswa tersebut. Segala permohonan dermasiswa hendaklah dihadapkan melalui Ketua Jabatan masing-masing siapa dimestikan untuk mengemukakan laporan sulit serta tiga salinan borang-borang Latihan Dalam Perkhidmatan kepada Pengarah Perjawatan.
- (b) Kebenaran untuk mendapatkan Cuti Tidak Bergaji ini hanya akan dipertimbangkan jika benar-benar ketiadaan pegawai itu tidak akan menjejaskan perkhidmatan Kerajaan.
- (c) Perkhidmatan pegawai yang dibenarkan untuk melanjutkan pelajaran di bawah skim ini, adalah dianggap terputus bagi tempoh selama ianya berkursus dan ianya tidak akan menerima sebarang kemudahan seperti ianya menerima semasa perkhidmatan.

### 3.2 Kemudahan-Kemudahan mengikut skim Cuti Tidak Bergaji Dalam Negeri.

#### (A) Gaji

Pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat dan dipersetujui mengikuti kursus di Institusi di Negara Brunei Darussalam secara Cuti Tidak Bergaji Dalam Negeri tidak akan menerima gaji mereka sepanjang tempoh menjalani kursus tersebut.

#### (B) Elaun Sara Hidup

Elaun sara hidup akan diberi mengikut kadar-kadar yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi sesebuah Institusi kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang mengikuti kursus di Institusi Brunei Darussalam secara Cuti Tidak Bergaji Dalam Negeri.

(C) Elaun Perjalanan

- (i) Elaun perjalanan sebanyak \$58.00 sebulan akan dibayar kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang mengikuti kursus di Institusi-Institusi Brunei Darussalam secara Cuti Tidak Bergaji Dalam Negeri ini dengan syarat dia tidak mendapat kemudahan tempat tinggal di Institusi dan dia tinggal sejauh tiga batu atau lebih dari Institusi yang berkenaan.
- (ii) Seseorang pegawai Kerajaan yang sedang mengikuti kursus secara Cuti Tidak Bergaji Dalam Negeri ini tidak berhak menuntut segala elaun perjalanan/kenderaan yang lain menurut Surat-Surat Keliling Pejabat Setiausaha Kerajaan Bil. 37/1980 dan Bil. 38/1980, selain dari Peraturan (C) (i) di atas.

(D) Kediaman

- (i) Selagi kemudahan kediaman (asrama Institusi) boleh menampung para mahasiswa yang terdiri dari pegawai-pegawai Kerajaan, maka mereka akan diberikan tawaran untuk tinggal di dalam asrama tersebut menurut ketentuan yang telah ditentukan.
- (ii) Suami atau isteri dan anak-anak pegawai-pegawai Kerajaan tidak akan di benarkan tinggal di asrama institusi.

(E) Perbelanjaan Akademik

- (i) Kerajaan akan membayar elaun buku rujukan mengikut kadar-kadar di bawah ini:
  - (a) bagi kursus yang bukan Ijazah, setengah daripada bayaran yang dihulurkan kepada 'A' level/TEC Diploma atau kursus yang setaraf sebagaimana dalam syarat dermasiswa Kerajaan seperti dalam Surat Keliling Jabatan Pelajaran Bil. 5/1984. Kadar yang diikuti ialah bayaran bagi di Malaysia dan Singapura;

- (b) bagi kursus bertaraf Ijazah, setengah daripada bayaran yang di-hulurkan kepada Ijazah Pertama atau kursus yang setaraf se-bagaimana dalam syarat derma-siswa Kerajaan seperti dalam Surat Keliling Jabatan Pelajaran Bil. 5/1984. Kadar yang diikuti ialah bayaran bagi di Malaysia dan Singapura;
- (c) bayaran dalam kadar yang di-nyatakan dalam perkara 2.3 (E) (i) (a) dan (b) ini, akan ber-terusan pada masa-masa yang akan datang mengikut perubahan yang akan dilakukan dari semasa kese-masa oleh Kerajaan. Bayaran hanya akan dibuat terhadap tuntutan yang disertai dengan resit-resit asal (original).
- (ii) Apa juga Projek, Dissertation atau Thesis yang diarahkan oleh pihak Institusi-Institusi untuk dibuat, elaun akan diberikan kepada setiap mahasiswa yang terdiri dari kalangan pegawai-pegawai Kerajaan sebagaimana dalam syarat dermasiswa Kerajaan seperti dalam Surat Keliling Jabatan Pelajaran Bil. 5/1984. Kadar yang diikuti ialah bayaran bagi di Malaysia dan Singapura.
- (F) Lawatan Penyelidikan (Field Trip) Di Luar Negeri
- Setiap Mahasiswa yang terdiri dari pegawai-pegawai Kerajaan jika dikehendaki oleh pihak Institusi-Institusi untuk membuat se-barang pengkajian atau sebarang penyelidik-an di luar negeri, segala perbelanjaan akan ditanggung oleh pihak Institusi-Institusi yang berkenaan.
- (G) Elaun Tambahan
- Setiap Mahasiswa yang terdiri dari pegawai-pegawai Kerajaan yang memerlukan bantuan bolehlah diberikan elaun kacamata sebagai-mana dalam syarat dermasiswa Kerajaan seperti dalam Surat Keliling Jabatan Pelajaran Bil. 5/1984. Kadar yang diikuti ialah bayaran bagi di Malaysia dan Singapura.

(H) Elaun Perkahwinan

Setiap Mahasiswa yang terdiri dari pegawai-pegawai Kerajaan yang mengikuti kursus di Institusi Brunei Darussalam di bawah skim Cuti Tidak Bergaji Dalam Negeri ini yang mempunyai isteri dan anak adalah diberi Elaun isteri dan anak (hingga 4 orang anak sahaja) menurut kadar yang berikut di bawah ini:

- (i) Elaun isteri - sebanyak \$150.00 sebulan.
- (ii) Elaun anak (hingga 4 orang sahaja) - sebanyak \$70.00 sebulan bagi seorang.

(I) Gaun Akademik

Tidak ada bayaran bagi sebarang jenis pakaian. Walau bagaimanapun Kerajaan melalui Institusi akan menyediakan Gaun Akademik untuk dipinjamkan hanya kepada mahasiswa-mahasiswa pada masa-masa mereka memerlukannya.

3.3 HAK CUTI

- (i) Pegawai-pegawai Kerajaan yang dibenarkan berkursus secara Cuti Tidak Bergaji di Institusi-Institusi Negara Brunei Darussalam, tidak mempunyai hak cuti biasa, oleh kerana perkhidmatan mereka adalah dianggap terputus bagi tempoh selama mereka berkursus.
- (ii) Segala cuti pegawai-pegawai Kerajaan yang dibenarkan berkursus secara Cuti Tidak Bergaji Dalam Negeri, adalah tertakluk sepenuhnya kepada jadual percutian di Institusi-Institusi yang berkenaan. 

- (iii) Hak cuti bersalin adalah dikekalkan.
- (iv) Cuti menunaikan fardu haji adalah tertakluk kepada budi bicara pihak Institusi dan kebenaran dari Pengarah Perjawatan.

4. Surat keliling ini adalah berkuatkuasa mulai dari 16 haribulan September 1986.



[ DATO SERI LAILA JASA  
HAJI AHMAD DATO MATNOR ]  
Setiausaha Tetap  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam

Jabatan Perdana Menteri,  
Istana Nurul Iman,  
Bandar Seri Begawan 1100,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Rujukan : (81) JPM/SK/1988

Tarikh : 6 September 1988